

Kerajaan haramkan semua mesin slot elektronik

BH 25/7/03

PUTRAJAYA: Kerajaan mengharamkan semua jenis mesin slot atau 'one arm gambit' elektronik yang boleh digunakan untuk tujuan perjudian dan permainan lain termasuk di pusat peranginan Bukit Tinggi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa tiada kasino yang beroperasi di pusat itu kecuali mesin one arm gambit yang dibenarkan beroperasi di kelab-kelab.

"Buat apa panggil kasino. Di kelab-kelab kita bagi one arm bandit (mesin slot) tapi sekarang one arm bandit sudah jadi canggih, dia pakai elektronik dan boleh main lain-lain permainan.

"Jadi kita tak bagi mesin elektronik yang boleh buat lain-lain (permainan). Kita nak bagi cuma setakat one arm bandit saja...tapi lain-lain kelab pun macam tu, bukan saja Bukit Tinggi. Tiada kasino," katanya kepada media selepas Sambutan Hari Kanak-Kanak Badan Amal dan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) 2003 di Seri Perdana, petang semalam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Kira-kira 200 kanak cacat dan anak yatim dari rumah amal dari Selangor dan Wilayah Persekutuan diraikan dalam majlis yang turut diserikan dengan persembahan kumpulan popular Too Phat.

Perdana Menteri ditanya mengenai penutupan pusat perjudian dan mesin slot di Bukit Tinggi yang dilaporkan sebuah akhbar sebelum ini.

Akhbar itu melaporkan bilik mesin slot atau Slot Room di Colmar Tropicale Resort dekat sini tidak pernah dibuka semula selepas ditutup sejak 20 Mei lalu. Pusat itu mengambil tindakan menutup sementara operasi Slot Room selepas kontroversi kegiatan perjudian di pusat peranginan berkenaan mendapat reaksi Dr Mahathir.

Mengenai dakwaan wujud hubungan Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Pengerusi cawangan MCA Gurney Drive, Ong King Ee atau dikenali sebagai 'Jackie Chan' yang diburu polis, Dr Mahathir berkata, media harus lebih bersikap profesional dan tidak sewenang-wenangnya menggunakan gambar lama bagi menggembar-menggemburkan sesuatu isu.

"Jika saya kenal dengan satu orang tapi tiba-tiba 10 tahun lagi kita tahu dia penjenayah, you ambil gambar dia dan you tunjuk gambar dia seolah-olah dia berbaik dengan penjenayah mana boleh.

"Saya pun pernah ambil gambar dengan orang yang saya tak kenal, duduk tepi saya, mungkin ahli Umno tapi sekarang dia penjenayah baru saya tahu...apa sebab ambil gambar lama seolah-olah dia baru jumpa, lepas tu tanya dia kenal...dia kenallah orang itu.

"Sama ada dulu dia tahu orang itu penjenayah atau tidak itu soal lain. Ia adalah tidak adil jika anda ambil gambar lama dan kemudian kata wanted, you bubuh gambar dengan Presiden MCA...ada ka patut macam tu. Bukan Presiden MCA yang wanted. Wartawan mesti ada etika," katanya.

Mengenai keputusan perwakilan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) melantik Dr James Jemut Masing sebagai presiden parti itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu butirannya dan saya perlu lihat dulu," katanya.

Semalam sejumlah 212 cawangan parti melantik Dr Masing, 54, sebagai Presiden mereka. Mereka turut melantik bekas Naib Presiden Datuk Sng Chee Hua selaku Timbalan Presiden dalam satu perhimpunan di Pusat Sivik di Bintulu.